

17 MAY 2000

FU AH KIW DILANTIK SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melantik anggota Parlimen Mentakab, Fu Ah Kiow sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pelantikan itu akan berkuatkuasa selepas beliau mengangkat sumpah jawatan pada satu tarikh yang akan ditetapkan tidak lama lagi, menurut kenyataan satu perenggan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri, hari ini.

Fu, 51, ialah anggota Majlis Tertinggi MCA kebangsaan, naib pengerusi Perhubungan MCA Pahang dan pengerusi MCA Mentakab.

Beliau berkelulusan ijazah sarjana kejuruteraan perindustrian dan pengurusan dari Kranfield Institute of Technology, United Kingdom, ijazah sarjana muda sains (kepujian) dari Universiti Malaya dan diploma pendidikan dari universiti yang sama.

Beliau merupakan anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN), ahli lembaga penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pengerusi Jawatankuasa Penasihat Penjaja DBKL.

Pada pilihan raya lepas beliau mempertahankan kerusi parlimen kawasan Mentakab, mengalahkan calon DAP Leong Mee Meng dengan majoriti 6,524 undi.

-- BERNAMA

AFY ROS AKD